

**UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**EDISI SEMAKAN**

**PENGGAL 129**

**PERTIKAIAN-PERTIKAIAN KERJA**

**PENYUSUNAN BAB-BAB**

Bab

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

1. Gelaran pendek
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II**

**PERTIKAIAN-PERTIKAIAN KERJA**

3. Immuniti kesatuan-kesatuan sekerja dari tindakan-tindakan tort
4. Komplot berhubung dengan pertikaian-pertikaian kerja
5. Memindahkan tanggungjawab kerana mengganggu perniagaan orang lain

6. Ugutan atau gangguan
7. Memecah kontrak dalam perkhidmatan-perkhidmatan mustahak
8. Memecah kontrak yang membahayakan jiwa atau harta benda
9. Mogok-mogok dan sekat-masuk yang salah
10. Hukuman kerana permogokan-permogokan atau yang salah
11. Hukuman kerana memberi bantuan wang bagi dan sekat-masuk yang salah
12. Dakwaan
13. Melindungi orang-orang yang enggan mengambil bahagian di dalam permogokkan-permogokkan dan sekat-masuk yang salah
14. Berpiket dengan secara aman dan mencegah pungutanan

### BAHAGIAN III

#### TIMBANGTARA DAN PENYIASATAN-PENYIASATAN

15. Penggunaan
16. Menggunakan cara yang ada sekarang bagi menyelesaikan pertikaian-pertikaian
17. Perdamaian dan penyiasatan
18. Pertikaian-pertikaian boleh dilaporkan kepada Menteri bagi pertimbangan dan penyelesaian
19. Timbangtara. Merujuk pertikaian-pertikaian kepada mahkamah pengadilan timbangtara dan penubuhan Mahkamah pengadilan
20. Kekosongan-kekosongan dalam mahkamah pengadilan

21. Menyiarkan hukuman
22. Tafsiran hukuman
23. Keterangan
24. Kehadiran peguam-peguam bela
25. Pembicaraan boleh dibuka kepada orang ramai atau sebaliknya
26. Menyiarkan perjalanan-perjalanan pembicaraan
27. Peraturan-peraturan tentang cara
28. Bayaran bagi timbangtara
29. Salinan-salinan Akta akan ditampal sebagaimana di-perintahkan oleh Pesuruhjaya Buruh
30. Kandungan-kandungan khas

**PERTIKAIAN-PERTIKAIAN KERJA**

6 tahun 1961

**Suatu Akta untuk mengawal Pertikaian-Pertikaian kerja.**

S.26/62

*Permulaan kuatkuasa : 21hb Januari 1962***BAHAGIAN I****PERMULAAN**Gelaran  
pendek

- 1.** Akta ini boleh digelar sebagai Akta Pertikaian-Pertikaian Kerja.

Tafsiran

- 2.** Dalam Akta ini —

“mengugut” bermakna menyebabkan tertanamnya dalam fikiran seseorang satu perasaan ketakutan yang munasabah dari kecederaan terhadap dirinya atau terhadap mana-mana ahli keluarganya atau terhadap mana-mana orang dalam tanggungannya atau kekerasan atau kerosakan kepada mana-mana orang atau harta benda dan perkataan “kecederaan” termasuk kecederaan kepada seseorang terhadap perniaaan, pencarian, pekerjaan atau lain-lain sumber pendapatannya dan termasuk sebarang kesalahan yang boleh didakwa

“sekat-masuk” bermakna penutupan sebuah tempat kerja, atau pengantungan pekerjaan, atau keengganan seorang majikan untuk terus mengambil sebilangan orang yang digajikan olehnya akibat dari satu pertikaian, yang dilakukan dengan tujuan untuk memaksa orang-orang itu, atau untuk membantu seorang majikan lain memaksa orang-orang yang digajikan olehnya, untuk menerima ketentuan-ketentuan atau syarat-syarat tentang atau mengenai pekerjaan ;

“berdaftar” bermakna berdaftar di bawah Akta Kesatuan-kesatuan Sekerja ;

“mogok” bermakna pemberhentian kerja oleh sekumpulan orang digajikan, yang bertindak secara bersatu, atau suatu keengganinan bersama atau keengganinan bersafahaman dari suatu sebilangan orang-orang yang bekerja untuk meneruskan kerja dengan seorang majikan akibat dari pertikaian, dilakukan sebagai satu cara untuk memaksa majikan mereka atau mana-mana orang atau kumpulan orang-orang yang digajikan atau untuk membantu lain-lain pekerja untuk memaksa majikan mereka atau mana-mana orang atau kumpulan orang-orang yang digajikan untuk menerima atau menolak ketentuan-ketentuan atau syarat-syarat tentang atau mengenai pekerjaan ;

“pertikaian kerja” bermakna sebarang pertikaian di antara majikan-majikan dengan pekerja-pekerja atau pekerja-pekerja dengan pekerja-pekerja berhubung dengan pekerjaan atau sebaliknya, atau ketentuan-ketentuan pekerjaan atau syarat-syarat kerja bagi mana-mana orang ;

“kesatuan sekerja” bermakna sebarang kumpulan sama ada sementara atau tetap maksud-maksud utamanya yang ada di bawah perlombagaannya yang ada di bawah perhubungan-perhubungan di antara pekerja-pekerja dengan majikan-majikan, atau di antara pekerja-pekerja dengan pekerja-pekerja atau di antara majikan-majikan dengan majikan-majikan, sama ada kumpulan tersebut akan atau tidak akan dianggap, jika Akta ini belum digubal, sebagai suatu kumpulan yang haram oleh sebab satu atau lebih dari satu daripada maksud-maksudnya ialah untuk menindas perniagaan ;

“mahkamah pengadilan” bermakna satu mahkamah pengadilan yang dilantik dan ditubuhkan menurut peruntukan-peruntukan bab 19 ;

“pekerja” bermakna mana-mana orang yang telah membuat atau bekerja menurut suatu kontrak dengan seorang majikan dalam apa jua jawatan, sama ada kontrak itu nyata atau tersirat secara mulut atau bertulis, dan sama ada ianya suatu kontrak perkhidmatan atau perantisan atau suatu kontrak untuk menjalankan bersendirian sesuatu pekerjaan atau perburuhan termasuk mana-mana orang yang biasanya diambil bekerja di bawah sebarang kontrak yang sedemikian, sama ada orang tersebut bekerja atau tidak bekerja pada sebarang masa yang tertentu.

## BAHAGIAN II

### PERTIKAIAN-PERTIKAIAN KERJA

Immuniti  
kesatuan  
pekerja dari  
tindakan-tindakan  
tort

3. Suatu tindakan terhadap sebuah kesatuan sekerja yang berdaftar, sama ada dari pekerja-pekerja atau majikan-majikan, atau terhadap mana-mana ahli-ahli atau pegawai-pegawai kesatuan tersebut bagi pihak diri mereka sendiri dan semua ahli kesatuan sekerja yang lain mengenai sebarang perbuatan tort yang dikatakan telah dilakukan oleh atau bagi pihak kesatuan sekerja itu dengan tujuan atau bagi melanjutkan satu pertikaian kerja tidak akan dilayani oleh mana-mana mahkamah.

(2) Tiada apa-apapun dalam bab ini akan menyentuh tanggungan sebuah kesatuan sekerja yang berdaftar atau mana-mana ahlinya untuk didakwa oleh mana-mana mahkamah mengenai atau bersabit dengan harta benda atau hak-hak sebuah kesatuan sekerja yang berdaftar kecuali mengenai sebarang perbuatan tort yang dilakukan oleh atau bagi pihak kesatuan itu dengan tujuan atau bagi melanjutkan satu pertikaian kerja.

4. (1) Suatu perjanjian atau gabungan oleh dua orang atau lebih untuk melakukan atau menyuruh melakukan sebarang perbuatan dengan tujuan atau bagi melanjutkan suatu pertikaian kerja tidak akan boleh dibicarakan sebagai komplot jika perbuatan tersebut dilakukan oleh seorang tidak boleh dihukum sebagai suatu kesalahan jenayah.

Komplot  
berhubung  
dengan  
pertikaian-  
pertikaian  
kerja

(2) Suatu perbuatan yang dilakukan menurut suatu perjanjian atau gabungan oleh dua orang atau lebih, jika dilakukan dengan tujuan atau bagi melanjutkan satu pertikaian kerja, tidak boleh didakwa melainkan perbuatan itu, jika dilakukan dengan tidak ada sebarang perjanjian atau gabungan tersebut, boleh didakwa.

(3) Tiada apa-apa pun dalam bab ini akan menyentuh undang-undang berkenaan dengan rusuhan, perkumpulan haram, gangguan kepada keamanan atau hasutan atau sebarang kesalahan terhadap Kerajaan, atau Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(4) Suatu kesalahan jenayah bagi maksud-maksud bab ini bermakna suatu kesalahan kerana perbuatan yang mana orang yang membuat salah itu boleh dipenjarakan sama ada sepenuhnya atau mengikut budibicara mahkamah sebagai ganti sebarang hukuman lain.

(5) Jika seorang disabitkan kesalahan bagi sebarang perjanjian atau gabungan sebagaimana yang disebutkan di atas untuk melakukan atau menyuruh melakukan suatu perbuatan yang boleh dihukum oleh sebuah mahkamah Magistret dan dihukum penjara, hukuman penjara itu tidak boleh lebih dari tiga bulan, atau tempoh yang lebih lama lagi, jika ada, sebagaimana yang boleh ditentukan oleh undang-undang bagi menghukumkan perbuatan tersebut apakala dilakukan oleh seorang.

Memindah-kan tanggung-jawab kerana mengganggu perniagaan orang lain

Ugutan atau gangguan

**5.** Suatu perbuatan yang dilakukan oleh seorang dengan tujuan atau bagi melanjutkan suatu pertikaian kerja tidak boleh didakwa dengan alasan semata-mata bahawa perbuatan itu memujuk orang-orang lain untuk memecahkan kontrak kerja atau bahawa, perbuatan itu ialah suatu gangguan terhadap perdagangan, perniagaan atau pekerjaan orang-orang lain, atau terhadap hak-hak orang lain untuk menjual modalnya atau perburuhannya mengikut sesuka hatinya.

**6.** (1) Tiap-tiap orang, dengan tujuan memaksa atau memujuk mana-mana orang lain untuk menahan diri daripada membuat atau untuk melakukan sebarang perbuatan yang orang lain tersebut itu berhak di sisi undang-undang untuk membuat atau menahan diri daripada membuat, dengan jalan salah dan tanpa kebenaran undang-undang yang :—

(a) menggunakan kekerasan atau mengugut orang lain tersebut itu atau isteri atau anak-anaknya, atau merosakkan harta bendanya ;

(b) tidak putus-putus mengikut orang lain tersebut itu dari satu tempat ke satu tempat tersebut ; atau

(c) menyembunyikan sebarang perkakas, kain baju atau lain-lain harta yang dippunyai atau digunakan oleh orang lain tersebut itu, atau mengambil daripadanya atau menghalangnya dari menggunakan benda-benda tersebut ;

(d) menjaga atau mengepong rumah atau lain-lain tempat di mana orang lain tersebut itu tinggal atau bekerja atau menjalankan perniagaan atau didapati berada dijalankan atau tempat tersebut ; atau

(e) mengikut orang lain tersebut itu dengan diiringi oleh dua orang atau lebih dengan cara tidak tentu haluan di dalam atau melalui mana-mana jalan atau jalan raya,

adalah bersalah : Hukuman, penjara selama 3 bulan atau denda sebanyak \$3,000.

(2) Berada pada satu atau dekat sebarang rumah atau tempat mengikut bilangan atau cara yang sedemikian sebagaimana yang diisyiharkan oleh ceraian (2) dari bab 14 sebagai perbuatan salah akan dianggap sebagai menjaga atau mengepong rumah atau tempat itu dalam erti kata ceraian (1).

7. (1) Barangsiapa yang berkerja dalam suatu perkhidmatan yang mustahak dengan senghajanya memecah, atau menamatkan, kontrak perkhidmatanya, dengan mengetahui atau mempercayai bahawa akibat-akibat yang mungkin berlaku dari perbuatannya yang sedemikian, sama ada berseorangan atau bersepakat dengan orang-orang lain, akan menyebabkan orang ramai tergendala pada keseluruhannya atau setakat yang terbesar, dari menggunakan perkhidmatan itu, adalah bersalah : Hukuman, penjara selama tiga bulan atau denda sebanyak \$6,000.

Memecah  
kontrak  
dalam  
per-  
khidmatan-  
per-  
khidmatan  
mustahak

Dengan syarat bahawa jika sebarang penarik balik bersama perburuhan dari suatu perkhidmatan mustahak dijangka akan berlaku, sama ada secara perseorangan suatu pertikaian kerja atau sebaliknya, dan notis bertulis tentang niat mereka untuk menyertai dalam penarik balik tersebut ada diberi sama ada secara perseorangan oleh orang-orang yang berkerja di perkhidmatan itu atau bagi pihak mereka oleh sebuah kesatuan sekkerja yang berdaftar atau kesatuan-kesatuan sekkerja yang berdaftar yang orang-orang tersebut menjadi ahli-ahlinya, maka mana-mana orang tersebut tidak akan termasuk di bawah ceraian ini melainkan dia memecah atau menamatkan kontrak kerjanya sebelum tamat tempoh dua puluh lapan hari setelah diberi notis itu.

(2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dalam Majlis mesyuarat boleh membuat peraturan-peraturan menentukan bentuk dan cara bagaimana notis yang disebutkan dalam ceraian di atas akan dibuat.

(3) Setiap orang yang menghasut atau mengacum atau dengan apa cara juu pun menggalak, memujuk atau mempengaruhi seorang yang bekerja dalam suatu perkhidmatan mustahak untuk memecah atau menamatkan kontrak perkhidmatannya, dengan mengetahui atau mempercayai bawaha akibat-akibat yang mungkin berlaku daripada perbuatan orang yang berkerja itu, sama ada berseorang atau bersepakat dengan orang-orang lain, akan menyebabkan orang awam tergendala, pada keseluruhannya atau setakat yang terbesar dari menggunakan perkhidmatan itu, adalah bersalah : - Hukuman penjara selama tiga bulan dan denda \$6,000.

(4) Tiap-tiap majikan dalam suatu perkhidmatan mustahak hendaklah mengarahkan supaya ditampal di semua bangunan-bangunan yang digunakan bagi maksud-maksud perkhidmatan itu, suatu salinan bab ini yang dicetak di tempat yang terang di mana salinan itu boleh dengan mudahnya di baca oleh orang-orang yang berkerja di situ, dan pada bila-bila masa salinan tersebut kotor, padam, rosak atau telah dibuang, hendaklah mengarahkan supaya salinan itu diganti semula dengan seberapa segera.

(5) Setiap majikan selain dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Negara Brunei Darussalam, yang gagal mematuhi peruntukan-peruntukan di atas adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$500 pada tiap-tiap hari ianya gagal mematuhi.

(6) Setiap orang yang dengan salah mencacati, mengotarkan, memadam, merosakkan, atau membuang sebarang salinan bab ini yang telah dicetak yang ditampal mengikut sebagaimana yang dikehendaki oleh ceraian (3) dari bab ini adalah bersalah yang boleh dihukum dengan denda sebanyak \$3,000.

(7) Bagi maksud-maksud bab ini —

(a) perkhidmatan-perkhidmatan awam yang berikut tiap-tiap satu persatunya hendaklah disifatkan sebagai perkhidmatan mustahak, iaitu, elektrik, bomba, gas, kesihatan, rumah sakit, kebersihan, air, berserta dengan mana-mana perkhidmatan lain yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dalam Majlis mesyuarat telah mengisytiharkan bahawa Akta ini hendaklah digunakan ;

(b) kecuali diperuntukkan sebaliknya dalam Akta ini, "majikan" termasuklah Kerajaan dan perkataan "orang yang diambil bekerja atau "orang yang berkerja" termasuklah seorang yang diambil bekerja oleh Kerajaan.

**8.** (1) Barangsiapa dengan sengaja memecah atau menamatkan kontrak perkhidmatan atau sewa, dengan mengetahui atau mempercayai bahawa akibat-akibat yang mungkin berlaku atas perbuatannya yang sedemikian, sama ada berseorangan atau bersepakat dengan orang-orang lain, akan membahayakan kehidupan manusia atau menyebabkan kecederaan anggota yang parah atau mendedahkan hart-benda yang berharga, sama ada harta tanah ataupun barang-barang, hingga terbinasa atau terlalu cacat, adalah bersalah : Hukuman, penjara selama 3 bulan dari denda sebanyak \$3,000.

Memecah  
perjanjian  
yang  
membahaya-  
kan  
kehidupan  
atau harta  
benda

(2) Setiap orang yang menghasut atau mengacum atau dalam cara apapun menggalakkkan, memujuk atau mempengaruhi seseorang untuk memecah atau menamatkan suatu kontrak perkhidmatan atau sewa, dengan mengetahui atau mempercayai bahawa akibat-akibat yang mungkin berlaku atas perbuatan orang itu akan membahayakan kehidupan manusia atau menyebabkan kecederaan anggota yang parah, atau mendedahkan harta benda yang berharga, sama ada harta tanah ataupun barang-barang hingga terbinasa atau terlalu cacat, adalah bersalah : Hukuman, penjara selama 3 bulan dan denda sebanyak \$3,000.

Permogokan-  
permogokan  
dan sekat-  
masuk  
yang salah

**9.** Sesuatu permogokan atau sekat-masuk hendaklah dianggap menyalahi undang-undang jika ianya dimulakan, diisytiharkan atau diteruskan secara yang berlawanan dengan mana-mana peruntukan dari bab-bab 7 atau 8 dari Akta ini, atau dengan mana-mana peruntukan dari undang-undang bertulis yang lian :

Dengan syarat bahawa sesuatu sekat-masuk yang diisytharkan berikut dengan satu permogokan yang menyalahi undang-undang atau satu permogokan yang diisythiharkan berikut dengan satu penutupan yang menyalahi undang-undang tidak akan dianggap salah.

Hukuman  
kerana  
permogokan  
atau sekat-  
masuk  
yang salah

**10.** (1) Mana-mana pekerja yang memulakan, meneruskan atau sebaliknya bertindak bagi melanjutkan suatu permogokan yang mana adalah menyalahi undang-undang di bawah Akta ini adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$600 dan penjara selama satu bulan.

(2) Mana-mana majikan yang memulakan, meneruskan atau sebaliknya bertindak bagi melanjutkan suatu sekat-masuk yang mana adalah menyalahi undang-undang di bawah Akta ini adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$6,000 dan penjara selama satu bulan.

Hukuman  
kerana  
memberi  
bantuan bagi  
permogokan-  
permogokan  
sekat-masuk  
yang  
menyalahi  
undang-  
undang

**11.** Barangsiapa yang dengan diketahuinya membelanjai atau menggunakan sebarang wang bagi melanjutkan atau menyokong dengan terangnya sebarang permogokan atau sekat-masuk yang menyalahi undang-undang adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$6,000 dan penjara selama satu bulan.

Pendakwaan

**12.** (1) Pendakwaan kerana satu kesalahan di bawah bab-bab 7,8, 10 atau 11 tidak boleh dibuat tanpa persetujuan bertulis daripada Peguam Negara.

(2) Tiada sesiapa pun boleh didakwa kerana satu kesalahan di bawah bab-bab 7, 8, 10, 11 jika Kerajaan, sebagai majikan, telah gagal atau menyempurnakan kewajipan-kewajipan yang dikehendaki dari seorang majikan di bawah ceraian (3) dari bab 7 dari Akta.

**13.** (1) Tiada sesiapapun yang enggan mengambil bahagian atau enggan daripada terus mengambil bahagian di dalam sebarang permogokan atau sekat-masuk yang diisyiharkan menyalahi undang-undang oleh Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain, boleh, oleh sebab keengganan tersebut atau oleh sebab sebarang tindakan yang diambil olehnya di bawah bab ini, dipecat dari sebarang kesatuan sekerja atau pertubuhan, atau didenda atau dihukum, atau diambil sebarang hak atau faedah yang sepatutnya dia atau waris-warisnya berhak mendapat, atau mungkin secara langsung atau tidak langsung ditimpa oleh sebarang kelemahan, atau kerugian jika dibandingkan dengan lain-lain ahli kesatuan sekerja atau pertubuhan itu, walau apapun yang berlawanan dengan aturan-aturan sebuah kesatuan sekerja atau pertubuhan.

Melindungi orang-orang yang enggan mengambil bahagian di dalam permogokan-permogokan dan sekat-masuk yang salah

(2) Tiada apa-apapun dalam mana-mana undang-undang bertulis yang menghadkan perjalanan-perjalanan perbicaraan yang boleh dilayani oleh mana-mana mahkamah, dan tiada apa-apapun dalam aturan-aturan sebuah kesatuan sekerja atau pertubuhan yang menghendaki penyelesaian pertikaian-pertikaian dengan apa cara pun boleh digunakan kepada mana-mana perjalanan perbicaraan untuk menguasa sebarang hak atau kebebasan yang dijamin oleh bab ini, dan di dalam perjalanan perbicaraan tersebut mahkamah boleh, sebagai ganti daripada memerintah seorang yang telah dipecat dari menjadi ahli sebuah kesatuan sekerja atau pertubuhan supaya dikembalikan menjadi ahli, memerintah supaya ianya dibayar ganti rugi atau kerugian-kerugian dari kumpulan wang kesatuan sekerja atau pertubuhan itu sebagaimana yang difikirkan adil oleh mahkamah.

Berpikut  
dengan  
secara aman  
dan  
mencegah  
penggugatan

14. (1) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun yang terkandung dalam Akta ini maka adalah sah bagi seorang atau lebih dari seorang yang bertindak bagi pihak diri mereka sendiri atau bagi pihak diri mereka sendiri atau bagi pihak sebuah kesatuan sekerja yang berdaftar atau seorang majikan atau syarikat bagi maksud atau bagi melanjutkan suatu pertikaian kerja untuk hadir pada atau dekat sebuah rumah atau tempat di mana seseorang itu tinggal atau berkerja atau menjalankan perniagaan atau didapati berada, jika mereka hadir semata-mata bagi maksud memperolehi atau menyampaikan makluman dengan jalan aman, atau memujuk mana-mana orang dengan jalan aman untuk berkerja atau menahan diri daripada berkerja.

(2) Maka adalah salah bagi seorang atau lebih dari seorang, sama ada bertindak bagi pihak diri mereka sendiri atau bagi pihak sebuah kesatuan sekerja atau seorang majikan atau syarikat dan dengan tidak menghiraukan bahawa mereka bertindak bagi maksud atau bagi melanjutkan satu pertikaian kerja, untuk hadir pada atau dekat sebuah rumah atau tempat di mana seseorang itu tinggal atau bekerja atau menjalankan perniagaan atau didapati berada, bagi maksud memperolehi atau menyampaikan makluman atau memujuk atau mendedak mana-mana orang untuk berkerja atau menahan diri daripada berkerja, jika mereka itu hadir mengikut bilangan atau mengikut cara yang difikirkan boleh mengugut mana-mana orang dalam rumah atau tempat itu, atau menghalang jalan masuk ke rumah atau tempat tersebut atau jalan keluar dari rumah atau tempat tersebut, atau menimbulkan kekacauan kepada keamanan.

(3) Barangsiapa yang bertindak bertentangan dengan bab ini adalah bersalah : Hukuman, penjara selama 3 bulan dan denda \$3,000.

## BAHAGIAN III

TIMBANGTARA DAN  
 PENYIASATAN-PENYIASATAN

**15.** (1) Bahagian ini tidak akan digunakan terhadap mana-mana anggota Angkatan Bersenjata, Pasukan Polis atau Perkhidmatan Penjara.

Penggunaan

(2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan (1), Bahagian ini hendaklah digunakan terhadap pekerja-pekerja yang diambil berkhidmat oleh atau di bawah Kerajaan secara yang sama seolah-olah mereka itu diambil berkhidmat oleh atau di bawah seorang awam.

**16.** Jika ada di dalam mana-mana perniagaan atau perusahaan perkiraan bagi menyelesaikan dengan jalan perdamaihan atau timbangtara akan pertikaian-pertikaian dalam perniagaan atau perusahaan tersebut atau sebarang cawangannya, yang dibuat menurut suatu perjanjian di antara wakil pertubuhan-pertubuhan majikan-majikan pertubuhan-pertubuhan pekerja-pekerja masing-masing bagi sebahagian besar dari majikan-majikan atau pekerja-pekerja tersebut yang berkerja dalam perniagaan atau perusahaan itu —

Mengguna-kan cara yang ada sekarang bagi menyelesaikan pertikaian-pertikaian

(a) maka Menteri tidak boleh, melainkan dan sehingga timbul kegagalan untuk memperolehi penyelesaian selepas menggunakan perkiraan-perkiraan ini, merujuk perkara tersebut bagi diselesaikan menurut peruntukan-peruntukan bab 19 ; dan

(b) Pesuruhjaya Buruh tidak boleh, melainkan dan sehingga timbul kegagalan untuk memperolehi penyelesaian selepas menggunakan perkiraan-perkiraan ini, menjalankan kuasa-kuasanya perenggan (c) dari ceraian (1) dari bab 17.

Perdamaian  
dan  
penyiasatan

17. (1) Jika ada satu pertikaian kerja berlaku atau dikuatirkan akan berlaku maka Pesuruhjaya Buruh, dengan tujuan untuk mendapatkan penyelesaian secara perdamaian, hendaklah —

(a) menyiasat tentang sebab-sebab dan keadaan-keadaan pertikaian itu ;

(b) mengambil tindakan-tindakan difikirkannya yang patut bagi maksud membolehkan pihak-pihak yang bertelingkah dalam pertikaian itu untuk berjumpa bersama-sama di antara mereka, atau wakil-wakil mereka, dengan tujuan untuk mencapai penyelesaian secara berbaik-baik terhadap pertikaian itu ; dan

(c) tertakluk kepada peruntukan-peruntukan bab 16, untuk melantik seorang menjadi pendamai, orang tersebut jika boleh, ialah seorang yang dipersetujui bersama oleh pihak majikan-majikan dan pihak pekerja-perkerja yang bersangkutan.

(2) Apabila seorang pendamai telah dilantik di bawah peruntukan-peruntukan ceraian (1) maka orang tersebut hendaklah menyiasat tentang sebab-sebab dan keadaan-keadaan pertikaian kerja tersebut itu dan dengan cara berunding dengan pihak-pihak itu berusaha mendapatkan satu penyelesaian dan hendaklah melaporkan kemajuan penyiasatannya kepada Pesuruhjaya Buruh dan, jika penyelesaian dicapai, hendaklah menghantar kepada Pesuruhjaya Buruh suatu memorandum tentang syarat-syarat penyelesaian itu yang telah ditandatangani oleh wakil-wakil pihak-pihak itu.

(3) Jika Pesuruhjaya Buruh menjalankan mana-mana dari kuasanya di bawah bab ini maka dia hendaklah melaporkan perkara itu kepada Menteri.

**18.** Mana-mana pertikaian kerja sama ada yang sedang berlaku atau yang dikhawatirkan akan berlaku boleh dilaporkan kepada Menteri oleh atau bagi pihak salah satu dari pihak-pihak yang tertelingkah dalam pertikaian itu, dan Menteri hendaklah selepas itu menimbangkan perkara itu dan mengambil langkah-langkah difikirkannya patut untuk mendapat suatu penyelesaian.

Pertikaian-pertikaian boleh dilaporkan kepada Menteri bagi pertimbangan dan penyelesaian

**19.** (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan bab 16 maka Menteri boleh, jika ada sesuatu pertikaian kerja sedang berlaku atau dikhawatirkan akan berlaku, merujuk perkara itu dengan persetujuan kedua-kedua belah pihak kepada sebuah mahkamah pengadilan timbangtara.

Timbangtara  
Merujuk pertikaian-pertikaian kepada mahkamah pengadilan timbangtara dan penubuhan mahkamah pengadilan

(2) Mahkamah pengadilan itu akan terdiri sama ada dari —

(a) seorang penimbangtara tunggal yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia ;

(b) seorang penimbangtara yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, dibantu oleh seorang pentaksir atau lebih yang dicalonkan oleh atau bagi pihak majikan-majikan yang bersangkutan dan bilangan pentaksir yang sama banyaknya yang dicalonkan oleh atau bagi pihak pekerja-pekerja yang bersangkutan, ke semuanya hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia ; tetapi hukuman hendaklah dibuat dan dikeluarkan oleh penimbangtara itu sahaja ; atau

(c) seorang penimbangtara atau lebih yang dicalonkan oleh atau bagi pihak majikan-majikan yang bersangkutan dan bilangan penimbangtara yang sama banyaknya yang dicalonkan oleh atau bagi pihak pekerja-pekerja yang bersangkutan, dan seorang pengurus yang bebas, ke semuanya hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia :

Dengan syarat bahawa jika semua ahli-ahli mahkamah pengadilan itu tidak dapat bersetuju tentang hukuman mereka, maka perkara itu hendaklah diputuskan oleh pengurus itu sebagai penimbangtara yang tunggal.

Kekosongan-  
kekosongan  
dalam  
mahkamah  
pengadilan

**20.** (1) Manakala mahkamah pengadilan itu mengandungi seorang penimbangtara, yang dibantu oleh pentaksir-pentaksir dan sebarang kekosongan berada dalam bilangan pentaksir-pentaksir itu, maka mahkamah pengadilan itu boleh dengan budibicara penimbangtara sama ada bertindak dengan tidak menghiraukan kekosongan tersebut atau pun bersetuju supaya dicalonkan dan dilantik seorang lagi pentaksir untuk memenuhi kekosongan tersebut. Mana-mana pentaksir baharu tersebut hendaklah dicalonkan oleh pihak yang calon asalnya telah meletakkan jawatannya.

(2) Tiada sebarang tindakan, perbicaraan atau keputusan mahkamah pengadilan itu boleh dipersoalkan atau menjadi tidak sah oleh sebab sebarang kekosongan tersebut.

Menyiarakan  
hukuman

**21.** (1) Mana-mana hukuman sebuah mahkamah pengadilan itu hendaklah dihadapkan kepada Menteri siapa akan dengan seberapa segera yang boleh selepas itu menyuruh supaya hukuman itu disiarkan mengikut cara yang difikirkannya patut.

(2) Manakala orang ramai atau akhbar tidak dibenarkan menghadiri sebarang perbicaraan sebuah mahkamah pengadilan maka tidak boleh dimasukkan ke dalam sebarang hukuman, laporan atau sebarang siaran lain walau apapun yang dibuat atau dibenarkan oleh mahkamah pengadilan itu atau Menteri akan makluman yang diperolehi oleh mahkamah pengadilan itu semasa berjalannya pembicaraan-pembicaraan terhadap sebarang kesatuan sekkerja atau perniagaan perseorangan, sama ada yang dijalankan oleh seseorang firma atau syarikat yang tidak boleh diperolehi dengan jalan lain kecuali menerisi keterangan yang diberi di pembicaraan tersebut, melainkan dengan persetujuan setiausaha kesatuan sekkerja itu ataupun persetujuan orang, firma atau syarikat itu mengikut sebagai mana keadaanya.

(3) Tiada mana-mana ahli sebuah mahkamah pengadilan dan tiada sesiapa yang bersangkutan dalam atau yang hadir di mana-mana pebicaraan mahkamah pengadilan tersebut yang mana orang ramai atau akhbar telah tidak dibenarkan hadir boleh memberitahu sebarang makluman yang diperolehi, oleh pembicaraan-pembicaraan tentang sebarang persatuan sekerja atau perniagaan perseorangan, sama ada dijalankan oleh seseorang, firma atau syarikat, yang tidak boleh diperolehi dengan jalan lain kecuali menerusi keterangan yang diberi di pembicaraan-pembicaraan tersebut, melainkan dengan persetujuan setiausaha kesatuan sekerja itu atau persetujuan orang, firma atau syarikat itu mengikut sebagaimana keadaannya.

(4) Barangsiapa yang melanggar peruntukan-peruntukan dari bab ini adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$3,000.

**22.** Jika timbul sebarang soalan tentang tafsiran hukuman dari sebuah mahkamah pengadilan, maka Menteri atau mana-mana pihak yang bersangkutan dengan hukuman itu boleh memohon kepada mahkamah pengadilan itu untuk mendapat keputusan di atas soalan tersebut, dan mahkamah pengadilan itu hendaklah memutuskan perkara itu selepas membicarakan pihak-pihak itu atau tanpa pembicaraan sedemikian dengan syarat persetujuan pihak-pihak tersebut telah diperolehi terlebih dahulu. Keputusan mahkamah pengadilan itu hendaklah diberitahu kepada pihak-pihak itu akan dianggap menjadi sebahagian dari dan akan mempunyai kesan yang serupa pada segala-segalanya seperti hukuman asal.

Tafsiran  
hukuman

**23.** Bagi maksud menyelenggarakan sebarang pertikaian kerja yang disebut di bawah bab 19, maka sebuah mahkamah pengadilan akan mempunyai kuasa penuh dengan perintah yang diperkuatkuaskan secara yang sama seperti perintah daripada Mahkamah Tinggi menghendaki mana-mana orang untuk memberi, secara bertulis atau sebaliknya, makluman mengenai perkara yang dalam pertikaian sebagaimana yang dikehendaki oleh mahkamah pengadilan itu, dan jika perlu

Keterangan

untuk menghadiri mahkamah pengadilan itu dan memberi keterangan dengan jalan bersumpah atau sebaliknya, dan menghendaki supaya dikemukakan dokumen-dokumen, untuk mengeluarkan semua makluman megneai perkara dalam pertikaian itu mengikut keadaan-keadaan yang difikirkan perlu, dengan tidak terikat oleh aturan-aturan keterangan dalam perjalanan-perjalanan pembicaraan sivil atau jenayah :

Dengan syarat bahawa, jika mana-mana saksi membantah daripada menjawab sebarang soalan dengan alasan bahawa soalan itu mungkin akan membabitkan dirinya atau dengan sebarang alasan lain yang sah, maka dia tidak dikehendaki menjawab soalan itu ataupun terkena sebarang hukuman-hukuman kerana enggan menjawabnya.

Kehadiran  
peguam-  
pegawai bela

**24.** Ianya hendaklah atas budibicara sebuah mahkamah pengadilan untuk membenarkan mana-mana orang yang bersangkutan untuk dibela oleh seorang peguam bela di sebarang perjalanan pembicaraan di bawah Akta ini dihadapan mahkamah pengadilan tersebut.

Pembicaraan  
boleh dibuka  
kepada orang  
ramai atau  
sebaliknya

**25.** Ianya hendaklah atas budibicara sebuah mahkamah pengadilan untuk membenarkan masuk atau mengenepikan orang ramai atau akhbar dari sebarang pembicaraan.

Menyiarkan  
perjalanan-  
perjalanan  
pembicaraan

**25.** Manakala akhbar dibenarkan hadir di satu pembicaraan sebuah mahkamah pengadilan dan bukannya sebaliknya, maka suatu laporan atau rengkasan yang benar dan tepat tentang perjalanan-perjalanan pembicaraan itu termasuk keterangan yang diberi dipembicaraan itu bolehlah disiarkan :

Dengan syarat walau bagaimanapun, bahawa sehingga hukuman telah disiarkan dengan perintah Menteri ulasan tidak boleh disiarkan mengenai perjalanan-perjalanan pembicaraan atau keterangan itu. Barangsiapa yang melanggar peruntukan-peruntukan bab ini adalah bersalah : Hukuman, penjara selama 6 bulan dan denda sebanyak \$6,000.

**27.** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Majlis Mesyuarat boleh membuat aturan-aturan mengaturkan cara yang akan dituruti oleh sebuah mahkamah pengadilan dan manakala timbul sebarang soalan semasa diadakan timbangtara tentang mana peraturan-peraturan belum lagi dibuat maka sebuah mahkamah pengadilan itu hendaklah mengaturkan peraturannya sendiri.

Peraturan-peraturan tentang cara

**28.** Adalah sah bagi Menteri untuk membayar kepada mana-mana penimbangtara yang dilantik di bawah Akta pentaksir ini bayaran yang sedemikian dari hasil-hasil pendapatan 'am sebagaimana yang mungkin dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat.

Bayaran bagi timbangtara

**29.** Salinan-salinan Akta ini hendaklah ditampalkan di tempat-tempat yang sedemikian dan dalam bahasa-bahasa yang sedemikian sebagaimana yang diperintahkan oleh Pesuruhjaya Buruh.

Salinan-salinan Akta akan ditampal sebagaimana diperintah oleh Pesuruhjaya Buruh

**30.** Tiada apa-apapun dalam Akta ini boleh membenarkan mana-mana anggota Angkatan Bersenjata atau mana-mana pegawai polis atau anggota Perkhidmatan Penjara untuk mengambil bahagian dalam sebarang sekat-masuk atau permogokan yang bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Akta ini.

Kandungan-kandungan khas